KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA JELI

50 JUBLI EMAS POLITEKNIK MALAYSIA 1969 - 2019

# LAPORAN TAHUNAN 2018

# POLITEKNIK JELI KELANTAN



# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

Ts. Hj Wan Azlan Bin Wan Ismail

## PENASIHAT

Mohd Noor Bin Salleh

Hj. Mahazari Bin Mohd Zain

## KETUA EDITOR

Mohd Nor Bin Yusof

## PENOLONG EDITOR & REKABENTUK GRAFIK

Norliza Binti Mohamed Piah

## EDITOR

1. Abdul Malek Bin A Manap
2. Remly Bin Othman
3. Irozi Bin Ismail
4. Mohd Sumazlin Bin Mahamed
5. Zakaria Bin Deraman
6. Razali Bin Arifin
7. Mohd Shakirurahman Bin Ismail
8. Nawawi Bin Ismail
9. Mohd Ridzuan Bin Abd Rashid
10. Rugayah Binti Yusof
11. Fatin Thuraiya Binti Abd Karim
12. Noor Ain Binti Abd Hamid
13. Siti Hajar Bt Sulaiman
14. Sofiah Hanim Binti Hamzah
15. Shella Suhana Binti Masaud
16. Siti Rohayu Binti Ibrahim
17. Wan Farhanah Binti Wan Ismail
18. Normawati Binti Md. Zain

# Kandungan


PRAKATA 5

LATAR BELAKANG 6

VISI & MISI 7

CARTA ORGANISASI 8

PENCAPAIAN KPI 9

JABATAN, UNIT DAN PUSAT

- JABATAN AGROTEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI 10
- JABATAN PENGAJIAN AM 22
- JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER 32
- JABATAN HAL EHWAL PELAJAR 35
- JABATAN SUKAN, KEBUDAYAAN & KOKURIKULUM 38

# Kandungan


| | |
|---|---|
| UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI | 43 |
| UNIT PEPERIKSAAN | 44 |
| UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI | 48 |
| UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI & KOMERSIALAN | 53 |
| UNIT PERPUSTAKAAN | 55 |
| UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN | 58 |
| *CENTRE OF TECHNOLOGY* (COT) | 63 |
| *COLLABORATION, INDUSTRIAL SERVICES & EMPLOYABILITY CENTRE* (CISEC) | 66 |



# Prakata

**Assalamualaikum dan selamat sejahtera,**

Terlebih dahulu marilah kita melafazkan rasa syukur ke hadrat ilahi kerana dengan keizinanNya dan limpahan rahmatNya, maka dokumen Laporan Institusi Politeknik Jeli 2018 dapat dihasilkan dengan jayanya.

Saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi tahniah kepada pihak Jawatankuasa Laporan Politeknik Jeli kerana berjaya menghasilkan laporan yang menarik dan mesra pengguna untuk aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2018. Saranan pihak Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti untuk dokumentasikan laporan tahunan daripada setiap politeknik adalah amat bertepatan dan pihak kami dapat melaksanakannya dengan sebaiknya. Laporan Tahunan ini memberikan maklumat dan informasi mengenai aktiviti Politeknik Jeli sepanjang tahun 2018 yang melibatkan pelbagai aktiviti di jabatan, unit dan pelajar. Pelaporan melibatkan pelbagai aktiviti seperti keusahawanan, sukan, CSR, kebudayaan, penyelidikan, kolaborasi, perbengkelan dan sebagainya. Rangkuman program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah melibatkan pelbagai peringkat iaitu peringkat politeknik, kebangsaan dan antarabangsa.
Laporan Instistusi Politeknik Jeli Tahun 2018 akan dapat membantu dalam mempromosikan Politeknik Malaysia dalam membina reputasi dan jenama yang mampu menjadikan Politeknik Malaysia antara institusi pendidikan tinggi yang terbaik di negara ini.

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Laporan Institusi Politeknik Jeli 2018 atas usaha dan komitmen yang tinggi menghasilkan laporan ini.

Sekian, terima kasih.

**Ts Hj Wan Azlan Bin Wan Ismail**

# Latar Belakang

Politeknik Jeli Kelantan (PJK) merupakan politeknik yang ke-22 ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 1 April 2007. Ia merupakan sebuah institusi pendidikan dan latihan bagi melahirkan modal insan yang lestari serta mempunyai mentaliti kelas pertama di samping berupaya menyesuaikan dirinya dengan persekitaran yang dinamik. Pada peringkat awal penubuhan, PJK hanya menawarkan satu kursus sahaja iaitu Sijil Kejuruteraan Elektrik (SKE).

Kampus tetap PJK telah dibina melibatkan kos hampir 124 juta yang meliputi kawasan seluas 122 ekar. Kampus ini siap sepenuhnya pada tahun 2013. Dari segi lokasinya, PJK berada di ekosistem yang bersesuaian dengan program-program yang ditawarkan.

Pada 14 Februari 2013 telah berlangsungnya majlis Penyerahan Projek Tetap Politeknik Jeli oleh pihak Jabatan Kerja Raya kepada Jabatan Pengajian Politeknik. Kampus tetap ini beroperasi secara rasmi mulai 1 Mac 2013. Pengambilan pertama pelajar bermula pada sesi Jun 2013 bagi program Diploma Agroteknologi dan Diploma Akuakultur.



# Visi & Misi PJK

## VISI

Menjadi institusi TVET tersohor yang dipimpin industri dalam bidang Agroteknologi dan Bio Industri di Malaysia.

## MISI

Menyediakan program TVET yang berkualiti dan diiktiraf melalui kurikulum yang dipimpin industri.

Menghasilkan graduan holistik yang berdaya keusahawanan serta menyumbang kepada bidang Agroteknologi dan Bio Industri.

Berperanan sebagai pusat rujukan dalam bidang Agroteknologi dan Bio-Industri melalui penglibatan aktif hingga ke peringkat antarabangsa.

# Carta Organisasi PJK



# Pencapaian KPI

## PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
## BAGI TAHUN 2018 POLITEKNIK JELI KELANTAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**BORANG PEMARKAHAN KESELURUHAN KPI INSTITUSI 2018**

INSTITUSI: POLITEKNIK JELI (POLITEKNIK KONVENSIONAL 1) — TELAH DIVALIDASI

A: MARKAH

| TERAS | SO | PETUNJUK PENCAPAIAN UTAMA (KPI) | WAJARAN | SASARAN | | PENCAPAIAN | | SKOR | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | PUSAT | INSTITUSI | SEMASA | VALIDASI | SEMASA | VALIDASI |
| Memastikan Graduan TVET Berkualiti | 1.1 | Tahap kepuasan majikan terhadap graduan yang bekerja | 4% | 3.8 | 3.8 | 0.0 | 0.0 | 0.0% | 0.0% |
| Memastikan Graduan TVET Berkualiti | 1.1 | Peratus kebolehpasaran graduan semasa konvokesyen | 8% | 90% | 90% | 99.60% | 99.57% | 8.0% | 8.0% |
| Memastikan Graduan TVET Berkualiti | 1.2 | Bilangan peserta PSH bagi setiap institusi | 4% | 225,000 | 750 | 861 | 861 | 4.0% | 4.0% |
| Melestari Institusi Kondusif | 2.2 | Peratus program yang memenuhi norma di setiap institusi bagi pengambilan perdana pada tahun semasa | 6% | 60% | 70% | 100.00% | 100.00% | 6.0% | 6.0% |
| Melestari Institusi Kondusif | 2.2 | Bilangan hebahan jabatan & institusi di media sosial | 4% | 1,500 | 25 | 29 | 29 | 4.0% | 4.0% |
| Melestari Institusi Kondusif | 2.6 | Jumlah pendapatan daripada program PSH yang berkaitan menyumbang kepada akaun amanah | 4% | RM6,000,000 | RM100,000 | RM1,240 | RM1,240 | 0.0% | 0.0% |
| Melestari Institusi Kondusif | 2.7 | Peratus institusi mencapai penjimatan minimum sebanyak 5% bayaran bil elektrik | 4% | 5% | 5% | 15.24% | 15.24% | 4.0% | 4.0% |
| Melestari Institusi Kondusif | 2.7 | Peratus prestasi perbelanjaan mengurus pada tahap tinggi yang dicapai oleh institusi | 6% | 99% | 99% | 93.00% | 93.00% | 5.6% | 5.6% |
| Melestari Institusi Kondusif | 2.8 | Peratus pematuhan tatacara kewangan dalam audit kewangan tahunan | 8% | 85% | 85% | 0.00% | 0.00% | 0.0% | 0.0% |
| Pengayaan Bakat | 3.1 | Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat bersama industri | 8% | 5% | 5% | 6.00% | 6.35% | 8.0% | 8.0% |
| Merekebentuk Semula Sistem Pendidikan | 4.2 | Kadar tamat pengajian dalam tempoh (iGOT) | 8% | 74% | 74% | 85.90% | 85.86% | 8.0% | 8.0% |
| Merekebentuk Semula Sistem Pendidikan | 4.2 | Peratus pelaksanaan pembelajaran teradun dan pembangunan bahan pembelajaran digital. | 8% | 60% | 100% | 87.50% | 87.50% | 7.0% | 7.0% |
| Memperkukuh Perkongsian Industri dan Komuniti | 5.1 | Bilangan industri / agensi yang mempunyai kolaborasi aktif dengan institusi | 8% | 400 | 6 | 7 | 7 | 8.0% | 8.0% |
| Memperkukuh Perkongsian Industri dan Komuniti | 5.3 | Bilangan program / aktiviti yang melibatkan alumni | 4% | 200 | 4 | 4 | 4 | 4.0% | 4.0% |
| Memperkukuh Perkongsian Industri dan Komuniti | 5.4 | Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan | 4% | 400 | 7 | 12 | 12 | 4.0% | 4.0% |
| Memperkukuh Perkongsian Industri dan Komuniti | 5.4 | Peratus kertas penyelidikan/kertas konsep penyelidikan yang diterbitkan di peringkat zon/ kebangsaan/ antarabangsa melalui pemerkasaan penyelidikan | 4% | 10% | 10% | 12.70% | 12.70% | 4.0% | 4.0% |
| Memperkukuh Perkongsian Industri dan Komuniti | 5.4 | Peratus tahap pencapaian status Centre of Technology (CoT) | 8% | | 40% | 70.00% | 70.00% | 8.0% | 8.0% |
| | | | | | | | Markah Keseluruhan | 82.69% | 82.69% |
| | | | | | | | Markah Keseluruhan (Pelarasan) | 93.96% | 93.96% |




## PENGENALAN

Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) menawarkan program diperingkat diploma iaitu:

- Diploma Agroteknologi (DAG)
- Diploma Akuakultur (DAQ)

Program DAG dan DAQ telah mendapat akreditasi penuh dari pihak MQA bermula pada **20 Januari 2016**.

# JABATAN AGROTEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI




## CARTA ORGANISASI
## JABATAN AGROTEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI (JAB)

# JABATAN AGROTEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI

Fasiliti yang disediakan oleh JAB:

i. Ladang agro
ii. Fish Propagation House
iii. Green House
iv. Bilik Kuliah
v. Makmal
vi. Machinery Shed



Makmal



Bilik Kuliah



*Green House*



*Fish Propagation House*



Ladang agro

## STATISTIK PELAJAR MENGIKUT PROGRAM

| SEMESTER | DIPLOMA AGROTEKNOLOGI | DIPLOMA AKUAKULTUR |
|---|---|---|
| 1 | 119 | 88 |
| 2 | 120 | 116 |
| 3 | 71 | 36 |
| 4 | 79 | 66 |
| 5 | 113 | 87 |
| 6 | 121<br>(Menjalani Latihan Industri) | 102<br>(Menjalani Latihan Industri) |
| **JUMLAH** | **623 ORANG** | **495 ORANG** |

**JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR : 1118 ORANG PELAJAR**

***Sumber : JHEP (8/3/2018)***

## BILANGAN GRADUAN

| SESI | DIPLOMA AGROTEKNOLOGI | DIPLOMA AKUAKULTUR |
|---|---|---|
| SESI DISEMBER 2015 | 34 ORANG | 36 ORANG |
| SESI JUN 2016 | 32 ORANG | 34 ORANG |
| SESI DISEMBER 2016 | 110 ORANG | 64 ORANG |
| SESI JUN 2017 | 31 ORANG | 26 ORANG |
| SESI DISEMBER 2017 | 111 ORANG | 98 ORANG |
| SESI JUN 2018 | 116 ORANG | 88 ORANG |

# Aktiviti Jabatan
# Minggu Suaikenal








# LAWATAN AKADEMIK
# KE AGRO-TECHNOLOGY PARK MARDI CAMERON HIGLANDS
# PADA 4 OKTOBER 2018

Lawatan melibatkan seramai 72 orang pelajar dan 2 pensyarah pengiring. Tujuan lawatan adalah untuk membuka ruang dan peluang kepada para pelajar mendapatkan pendedahan tentang penghasilan media campuran dan teknik pembiakan tumbuhan melalui pelbagai kaedah. Pelajar juga dapat mempelajari kaedah pengurusan tanaman nurseri dengan betul serta pendedahan sebenar situasi tetang perlaksanaan aktiviti amali sebagaimana yang dilaksanakan oleh industri.





Pelajar sedang menyediakan media tanah untuk tanaman hortikultur dengan bantuan dan tunjuk ajar daripada Penolong Pegawai Pertanian MARDI




Pelajar diberi penerangan mengenai pemindahan dan pengurusan anak pokok untuk tanaman hortikultur di nurseri.

# LAWATAN AKADEMIK
# PERUSAHAAN WARISAN KETEREH (BUDU) & SRI MURNI FROZEN FOOD
# 13 SEPTEMBER 2018

Program Pemantapan Kemahiran Pelajar Diploma Akuakultur merupakan program pelajar bersama industri yang memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai cara-cara pemprosesan dan penghasilan produk perikanan daripada industri hiliran seperti keropok lekor, serunding ikan dan budu. Program ini memberi pendedahan kepada pelajar secara praktikal (hands-on) terutama bagi mencapai keperluan CLO subjek yang berkaitan.

Untuk memenuhi keperluan politeknik sebagai institusi peneraju akuakultur, maka perkongsian kepakaran serta kemahiran pihak terlatih daripada pihak Industri Kecil Sederhana (IKS) dilihat sebagai salah satu peluang yang perlu dikongsi bersama para pelajar bagi memantapkan pengalaman, menambah keyakinan, sekaligus sebagai persediaan untuk berada di dalam industri akuakultur setelah tamat pengajian kelak.









## MESYUARAT PENASIHAT KURIKULUM

Tarikh : 14 Mei 2018 (Isnin)
Masa : 10.00 pagi - 1.00 tengahari
Tempat : Politeknik Jeli Kelantan

Politeknik Jeli Kelantan di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) Malaysia telah melaksanakan CQI (Continuous Quality Improvement) untuk menambahbaik Program Diploma Akuakultur dan Diploma Agroteknologi di politeknik ini. CQI tersebut melibatkan semakan semula struktur program, kursus-kursus dan silibus bagi memenuhi matlamat Politeknik Malaysia untuk melahirkan graduan politeknik yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun mendatang. Perlaksanaan proses CQI ini melibatkan kepakaran daripada pensyarah IPT terutamanya dalam bidang akuakultur dan agroteknologi supaya input dalam Program Diploma Akuakultur dan Diploma Agroteknologi yang dilaksanakan di Politeknik Jeli ini memenuhi kehendak industri.







## HARI INOVASI PROJEK AKHIR



16 Oktober 2018 (Selasa)

Bertempat di Lanas 4, Politeknik Jeli Kelantan



Salah satu produk inovasi pelajar

Panel daripada industri telah dijemput untuk menilai hasil kerja projek tahun akhir pelajar



# FESTIVAL AGROMAKANAN & BIOTEKNOLOGI (FAMB) 2018

Tarikh : 10 - 11 Oktober 2018
Anjuran : Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang

Festival Agroteknologi dan Bioindustri Malaysia (FAMB) merupakan salah satu aktiviti peningkatan pengetahuan dan idea kepada staf dan pelajar PJK tentang perkembangan teknologi dan inovasi program agroteknologi di Malaysia bahkan pada peringkat serantau. Festival ini merangkumi persidangan inovasi dan pengkomersilan, pameran dan jualan produk. Ia mensasarkan penyertaan dari ahli akademik, sektor awam dan sektor swasta serta industri yang berkaitan. Matlamat utama festival ini adalah bagi memberi pendedahan kepada umum tentang perkembangan teknologi dan inovasi dalam bidang Pertanian, Teknologi Makanan dan Bioteknologi yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak. PJK turut mengorak langkah seiring dengan objektif dan konsep FAMB 2018 dengan terlibat secara aktif pembentangan kertas penyelidikan dan poster agroteknologi dan akuakultur. Melalui penyertaan ini, staf serta pelajar PJK dapat melihat dengan jelas persekitaran sebenar dalam membantu meningkatkan daya pemikiran kritis serta menimba pengalaman pembelajaran yang pelbagai. Dalam program ini, pelajar politeknik telah merangkul GOLD MEDAL bagi projek inovasi terbaik manakala kategori pensyarah, telah memenangi kertas penyelidikan terbaik.











## Program MAHA




Tarikh : 22 November hingga 2 Disember 2018
Tempat : Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS)
Anjuran : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani




Pengarah politeknik Jeli, Tn. Hj Wan Azlan Wan Ismail bergambar bersama kakitangan dan kumpulan pelajar yang terlibat sepanjang program berlangsung




Produk *2 in 1 Air Freshener*, *Gon Pellet* dan *Decap Bone Powder* yang dipamerkan kepada pengunjung di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) 2018.





Pelajar memberi khidmat rundingan kepada pengunjung yang hadir ke booth PJK tentang produk *2 in 1 Air Freshener*, *Gon Pellet* dan *Decap Bone Powder.*

# JABATAN PENGAJIAN AM

## Pengenalan

Jabatan Pengajian Am merupakan jabatan sokongan yang bertanggungjawab mengendalikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dan subjek umum bagi memastikan graduan Politeknik Jeli kompeten dalam bidang yang dipilih, yang merangkumi bahasa, sahsiah dan moral. Jabatan ini terbahagi kepada dua unit iaitu Unit Bahasa Inggeris dan Unit Pendidikan Islam dan Moral. Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti kemudahan Makmal Bahasa.

Unit Bahasa Inggeris bertanggungjawab untuk mengendalikan kursus-kursus Bahasa Inggeris untuk pelajar semester 1,3 & 4. Unit Bahasa Inggeris juga turut membantu dalam mempersiapkan para pelajar yang berminat untuk mengambil peperiksaan MUET.

Unit Pendidikan Islam dan Moral pula bertanggungjawab untuk mengendalikan subjek umum seperti Pengajian Malaysia dan kursus pengkhususan seperti Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam.

# JABATAN PENGAJIAN AM

**KETUA JABATAN**
SUHAILY BINTI ABDULLAH

- **KETUA KURSUS BAHASA INGGERIS** (FATIN THURAIYA BINTI ABD KARIM)
- **KETUA KURSUS PENDIDIKAN ISLAM** (ROHANA BINTI NAWI)

- **PENYELARAS KURIKULUM** (NOR SUHAILA BINTI ABDUL GHANI)
- **SETIAUSAHA** (SITI AZHANI BINTI ABDUL RAHMAN)
- **PENYELARAS JADUAL WAKTU** (SITI AZHANI BINTI ABDUL RAHMAN)
- **PENYELARAS KO-KURIKULUM** (MOHD SUKERI BIN ISMAIL)
- **PENYELARAS MQA** (NORASHIKIN BINTI ABU BAKAR)
- **PENYELARAS PENTAKSIRAN & PENILAIAN** (ROSIDAH BINTI AB RASHID)
- **PENYELARAS KUALITI** (ROHANA BINTI NAWI)
- **PENYELARAS ASET & PEROLEHAN** (FATIN THURAIYA BINTI ABD KARIM)
- **PENYELARAS TUGAS-TUGAS KHAS** (NORASHIKIN BINTI ABU BAKAR)
- **PENYELARAS MAKMAL & BAHASA** (ROSIDAH BINTI AB RASHID)

## CARTA ORGANISASI
## JABATAN PENGAJIAN AM (JPA)

# FESTIVAL DEBAT & PIDATO POLITEKNIK MALAYSIA 6.0
# PIALA KETUA PENGARAH JPP 2018







Tarikh : 4-7 Oktober 2018
Tempat : Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

**Objektif**

a) Menjayakan KPI Politeknik (Lonjakan 1- Graduan Holistik Bercirikan Keusahawanan) bagi melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi seiring dengan kemahiran yang dipelajari.
b) Memperkasa dan membentuk pelajar sebagi pemimpin yang mampu menjadi teladan di institusi masing-masing
c) Mencungkil bakat mahasiswa politeknik yang berketrampilan untuk berdebat dan berpidato di khalayak umum serta berfikir dengan kritis dalam mengupas isu-isu yang diutarakan

**Pencapaian/Impak**

Program telah berjaya memberi impak yang positif kepada pelajar. Ianya telah memupuk minat pelajar, menggalakkan percambahan bakat, kreativiti, komunikasi dan kolaborasi di kalangan pelajar melalui interaksi bersama pelajar luar dari institusi masing-masing dan dalam masa yang sama merupakan platform baru untuk pelajar mempelajari dan menguasai bidang berlainan daripada kursus hakiki di samping menambah keyakinan diri, perkembangan sahsiah dan kesimbangan minda.

## SHORT FILM FESTIVAL 2.0
## POLITEKNIK MALAYSIA 2018

Tarikh : 7 November 2018
Tempat : Politeknik Ibrahim Sultan



**Objektif**

a) Menjayakan KPI Politeknik (Lonjakan 1- Graduan Holistik Bercirikan Keusahawanan) bagi melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi seiring dengan kemahiran yang dipelajari

b) Memperkasa dan membentuk pelajar sebagi pemimpin yang mampu menjadi teladan di institusi masing-masing

c) Mencungkil bakat mahasiswa politeknik dalam bidang pengarahan filem pendek penulisan skrip, lakonan & multimedia




**Pencapaian/Impak**

Program telah berjaya memberi impak yang positif kepada pelajar. Ianya telah memupuk minat pelajar, menggalakkan percambahan bakat, kreativiti, komunikasi dan kolaborasi di kalangan pelajar melalui interaksi bersama pelajar luar dari institusi masing-masing dan dalam masa yang sama merupakan platform baru untuk pelajar mempelajari dan menguasai bidang berlainan daripada kursus hakiki di samping menambah keyakinan diri, perkembangan sahsiah dan kesimbangan minda. PJK telah Berjaya meraih tempat ke-3 dalam kategori story plot.



## I-GENERATION WITH INDUSTRY 4.0

Tarikh : 25 February 2018
Tempat : Lanas 4 Politeknik Jeli

**Objektif**

a) *To create affiliation between PJK and an expert in the industry.*
b) *To inculcate interest among primary school students in Jeli area to learn English which is used as the main communicative language in the industry*
c) *To play polytechnic's role in the community while re-establishing its new image in local's eyes.*





**Pencapaian/Impak**

*Participants enjoyed the program tremendously. It is full of simple but effective activities and plenty of motivation. The most important thing was the rapport that has been built which enabled the students to try to communicate in English.*

## KEM QIADI PROGRAM JALINAN KOLABORASI PEMBANGUNAN PELAJAR BERSAMA YADIM TAHUN 2018

Tarikh : 18-20 Januari 2018
Tempat : Kem Bina Negara Besut Terengganu

**Objektif**

- Mengembangkan potensi mahasiswa/mahasiswi dalam meningkatkan jati diri melalui pertandingan yang dianjurkan.
- Menambah pengetahuan pelajar dari sudut akademik dan kerohanian dalam membentuk nilai murni.
- Melahirkan pelajar yang beketrampilan tinggi di samping membentuk modal insan yang positif.

## PENGHAYATAN BACAAN AL-QURAN POLITEKNIK JELI KELANTAN

Tarikh : Januari - Mac 2018
Tempat : Surau Kamsis PJK Tingkat 2
Perlaksanaan : 4 kali seminggu (Ahad, Isnin, Rabu & Khamis)

**Objektif**

Menolong pelajar yang kurang mahir membaca Al- Quran di samping menambah pengetahuan pelajar dari sudut pembacaan Al-Quran

**Pencapaian/Impak**

Program telah berjaya memberi impak yang positif dalam usaha untuk menjadikan pelajar lebih mencintai dan menghayati Al-Quran dan seterusnya membantu untuk melahirkan pelajar yang berakhlak mulia.

## PROGRAM IHTIFAL (KARNIVAL) JPA 2018

Tarikh : 12 Mac 2018
Tempat : Bangunan Akademik, PJK

**Objektif**

a) Memupuk semangat dan keyakinan dalam diri pelajar untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran.
b) Membentuk kerjasama kumpulan di kalangan pelajar melalui pameran dan aktiviti yang dijalankan.
c) Melatih komunikai pelajar bagi menghadapi cabaran dunia sebenar

**Pencapaian/Impak**

72 pelajar semester 2&5 telah melibatkan diri bagi Pameran DUA2012 (Sains Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam dan seramai 48 pelajar semester 1 telah mengambil bahagian dalam Explorace. Secara keseluruhan program telah mendapat kerjasama yang padu dari pihak pElajar dan mereka menunjukkan minat dan dalam masa yang sama menjadikan pelajar lebih yakin dan bersemangat







## BORNEO ENGLISH LANGUAGE CARNIVAL 2018 (*BELCar 2018*)

Tarikh : 5-8 September 2018
Tempat : Politeknik Kuching Sarawak

**Objektif**

a) Menjayakan KPI Politeknik (Lonjakan 1 – Graduan Holistik Bercirikan Keusahawanan) bagi melahirkan pelajar yang boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik.
b) Mempromosikan kepelbagaian budaya menerusi penggunaan Bahasa Inggeris.
c) Memperkasakan dan membentuk pelajar sebagai pemimpin dan mampu menjadi teladan di institusi masing-masing.
d) Memupuk keyakinan dan penguasaan kemahiran dan teknik pengucapan awam dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.
e) Mencari ruang dan peluang kerjasama dan kolorborasi dengan institusi-institusi lain.

**Pencapaian/Impak**

Program ini diharap dapat memberi impak positif kepada pelajar politeknik dan kolej komuniti dalam usaha untuk memantapkan penguasaan kemahiran dan teknik pengucapan awam dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar politeknik dan kolej komuniti di samping mencungkil bakat serta menambahkan keyakinan pelajar baik dari segi keterampilan diri dan mental. Ia juga berjaya menggalakkan percambahan idea, kreativiti, komunikasi dan kolaborasi dalam kalangan pelajar melalui penggunaan bahasa Inggeris dan teknologi dan dalam masa yang sama berjaya meningkatkan keyakinan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dalam merentas situasi dan konteks sebenar.







SKC-PJK LANGUAGE CAMP 2018




3 - 4 September 2018

Aktiviti bersama peserta



## POLY'S VOICE 2018 POLITEKNIK MALAYSIA

Tarikh : 28 September - 1 Oktober 2018
Tempat : Politeknik Sultan Sallahuddin Abdul Aziz Shah

**Objektif**

a) Menjayakan KPI Politeknik (Lonjakan 1- Graduan Holistik Bercirikan Keusahawanan) bagi melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi seiring dengan kemahiran yang dipelajari
b) Memperkasa dan membentuk pelajar sebagi pemimpin yang mampu menjadi teladan di institusi masing-masing
c) Mencungkil bakat mahasiswa politeknik dalam bidang pengacaraan yang berketrampilan dalam mengendalikan majlis dan berkebolehan dalam pengucapan awam

**Pencapaian/Impak**

Program telah berjaya memberi impak yang positif kepada pelajar. Ianya telah memupuk minat pelajar, menggalakkan percambahan bakat, kreativiti, komunikasi dan kolaborasi di kalangan pelajar melalui interaksi bersama pelajar luar dari institusi masing-masing dan dalam masa yang sama merupakan platform baru untuk pelajar mempelajari dan menguasai bidang berlainan daripada kursus hakiki di samping menambah keyakinan diri, perkembangan sahsiah dan kesimbangan minda. PJK berjaya sampai ke pusingan ke 3 dari 6 pusingan yang diadakan.



## PENGENALAN

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) adalah salah satu jabatan sokongan akademik yang bertanggungjawab dalam menyelaras pemberian latihan separa profesional bagi semua kursus kod B iaitu Kursus Matematik, Kursus Sains dan Komputer di Politeknik Jeli Kelantan.

Fungsi utama jabatan ini adalah untuk membekalkan tenaga pensyarah akademik bagi proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) Kursus Kod B dan menjalankan tugas sokongan akademik (pentadbiran) di PJK.

**Staf JMSK:**

i. Pensyarah : 8 orang

ii. Pembantu makmal : 1 orang

**Kemudahan fasiliti:**

i. 1 makmal Sains

ii. 3 makmal Komputer

iii. 1 makmal Matematik

iv. 2 makmal CAD




CARTA ORGANISASI
JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER (JMSK)

# JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER

**VISI**

Menjadi jabatan sokongan akademik yang cemerlang dalam Politeknik KPTM.

**MISI**

Menyediakan P&P yang efektif dan efisien kepada semua pelajar serta membentuk pensyarah yang berketerampilan tinggi.

## MATLAMAT JMSK

1. Meningkatkan kualiti sistem pengurusan organisasi ke arah budaya kerja TQM (Total Quality Management).
2. Memantapkan kualiti proses P & P modul kod B.
3. Memperkasakan budaya kerja secara berpasukan.
4. Merealisasikan keterampilan kerjaya pendidikan ke arah budaya kerja cemerlang.
5. Meningkatkan pengiktirafan organisasi luar terhadap kejayaan yang dicapai oleh staf JMSK.

# OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH FOR TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION TRAINING (OSHTVET)

**PENGENALAN**

Kursus OSHTVET memberi pengetahuan dan pendedahan kepada pelajar tentang faktor keselamatan dan kesihatan sebelum menempuhi alam pekerjaan. Kursus yang disertai oleh 76 orang pelajar Politeknik Jeli ini diadakan di Universiti Malaysia Kelantan kampus Jeli pada 2 Oktober 2018.

Kursus ini dianjurkan oleh Jabatan Keselamatan Kesihatan dan Pekerjaan (JKKP) Kelantan dengan Kerjasama Universiti Malaysia Kelantan(UMK) dan Politeknik Jeli Kelantan(PJK).



**Objektif Kursus:**

a. Meningkatkan pengetahuan pelajar tentang Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
b. Pendedahan ilmu OSHTVET kepada pelajar sebelum menempuhi alam pekerjaan.
c. Meningkatkan kefahaman pelajar tentang konsep HIRARC.

**Kepentingan Kursus:**

Peserta mengetahui dengan lebih jelas tentang Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Melalui kursus ini juga peserta diberikan kesedaran dan prinsip asas pencegahan kemalangan dengan menekankan konsep *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control* (HIRARC).






## Enrolmen Pelajar

Kemasukan pelajar ke Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri bagi Program Diploma Agroteknologi dan Diploma Akuakultur bagi tahun 2018 adalah seperti di bawah:

Enrolmen Pelajar Sesi Jun 2018

| Bil | Kod | Nama Program | Norma | Lelaki | Perempuan | Jumlah Daftar |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | DG002 | Diploma Agroteknologi | 120 | 46 | 75 | 121 |
| 2 | DG003 | Diploma Akuakultur | 120 | 53 | 66 | 119 |
| | | Jumlah | 240 | 99 | 141 | 240 |

Enrolmen Pelajar Sesi Disember 2018

| Bil | Kod | Nama Program | Norma | Lelaki | Perempuan | Jumlah Daftar |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | DG002 | Diploma Agroteknologi | 120 | 75 | 51 | 126 |
| 2 | DG003 | Diploma Akuakultur | 120 | 30 | 23 | 53 |
| | | Jumlah | 240 | 105 | 74 | 179 |

# Aktiviti Promosi 2018





Karnival Pendidkan Tinggi Negara (KPTN 2018) peringkat Negeri Kelantan pada 10 dan 11 Mac 2018, bertempat di Kampus USM Kubang Kerian





Promosi Politeknik Jeli ke beberapa sekolah di Kelantan semasa keputusan SPM 2017 diumumkan







Wakil Politeknik Malaysia untuk ‘**Program Jelajah Pendidikan Bumiputera 2018**’ di Sekolah Menengah Agama Lati , Rantau Panjang dan Sekolah Menegah Ayer Lanas, Jeli

## Aktiviti Kemasyarakatan

Bersama Dewan Bahasa Pustaka(DBP), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA) dan Universiti Malaysia Kelantan(UMK) menjayakan program pengumpulan bahasa 'Jedek' suku kaum orang asli di Sungai Rual, Jeli , Kelantan pada 23 – 26 November 2018








## PJK FUTSAL INTERSEM SIRI 2/18

Program dijalankan pada 28 - 29 September 2018, bertempat di Pro-Sport Futsal, Jeli. Program ini melibatkan seramai 200 orang pelajar Politeknik Jeli dari pelbagai semester.

Tujuan Program ini dijalankan adalah untuk:

1. Menggalakkan pelajar untuk menyertai pertandingan sukan yang dianjurkan.
2. Memupuk semangat kerjasama dikalangan pelajar setiap semester.
3. Mengeratkan perpaduan dan hubungan antara pelajar dan majlis perwakilan pelajar.
4. Melahirkan belia yang aktif dalam aktiviti sukan dan memupuk sifat kepimpinan berpasukan.

Secara keseluruhan, program ini telah memberi impak yang besar kepada pelajar serta ahli jawatankuasa program dimana, dengan wujudnya pertandingan futsal intersem ini dapat memupuk semangat kerjasama antara pasukan dan semua pelajar yang terlibat.



# PJK FUTSAL INTERSEM SIRI 2/18



Pemenang Pertama



Pemenang Kedua



Pemenang Ketiga

SENARAI PEMENANG KATEGORI PEREMPUAN



AJK PROGRAM



Pemenang Pertama



Pemenang Kedua



Pemenang Ketiga



Pemenang Keempat

SENARAI PEMENANG KATEGORI LELAKI

## Bolasepak & Bola Jaring Intersem 2018

Program dijalankan pada 12 Ogos hingga 5 September 2018, bertempat di Padang Bolasepak & Bola Jaring Politeknik Jeli. Program ini disertai oleh 100 orang peserta untuk bolasepak dan 60 orang peserta untuk bola jaring.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk:

1. Memupuk semangat proaktif dan juga kerjasama dalam diri peserta di samping membantu membina kemampuan diri untuk membahagikan masa dalam bidang kokurikulum dan aktiviti sampingan.
2. Melatih kekuatan mental dan komunikasi pelajar untuk menghadapi tekanan dalam perlawanan tersebut.
3. Melatih pelajar untuk berdisiplin dan mematuhi peraturan permainan yang telah ditetapkan.

**Pencapaian keseluruhan:**

1. Bolasepak
   - i. Johan – Semester 3
   - ii. Naib Johan – semester 4
   - iii. Ketiga Bersama – Semester 1 & Semester 5
   - iv. Kelima – Semester 2
2. Bola Jaring
   - i. Johan – Semester 2
   - ii. Naib Johan – Semester 5
   - iii. Ketiga Bersama – Semester 3 & semester 4
   - iv. Kelima – Semester 1
   - v. Keenam - Campuran








## 'JSKK Healthy Day'



Program dijalankan pada 21 & 22 September 2018, bertempat di Pro-Sport Futsal, Jeli. Jumlah peserta yang terlibat dengan program ini adalah seramai 150 orang.



Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memberi kepuasan kepada pelajar untuk beriadah dan melakukan aktiviti sihat di hujung minggu dan mengeratkan hubungan antara pelajar.





# Karnival Sukan MSP 2018

Program dijalankan pada 15 hingga 20 September 2018, bertempat di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor. Aktiviti ini melibatkan wakil dari politeknik seramai 2 orang pegawai pengiring dan 30 orang pelajar. Tujuan program ini disertai adalah untuk melahirkan atlet yang berbakat dalam sukan, menaikkan nama Politeknik Kelantan dalam bidang sukan dan sebagai medan untuk membentuk satu pasukan yang mantap bagi mewakili kontinjen Kelantan.

**Pencapaian :**

i. Badminton – Suku Akhir

ii. Petanque – Suku Akhir

iii. Bola Jaring – Peringkat Kumpulan

iv. Takraw – Suku Akhir

Kesimpulannya, penyertaan atlet Politeknik Jeli dalam Kontinjen Politeknik Kelantan di Karnival Sukan MSP 2018 ini dapat menghasilkan atlet yang bukan sahaja dapat mengharumkan nama Politeknik Kelantan, malah menaikkan nama Politeknik Jeli supaya dikenali ramai dalam bidang sukan.

## Pendahuluan

Unit Perhubungan dan Latihan Industri Politeknik Jeli Kelantan bertanggungjawab dalam pelaksanaan urusan dan aktiviti berkaitan latihan industri. Tugas yang dilaksanakan bermula daripada sebelum, semasa dan selepas latihan industri selesai. Unit ini diketuai oleh Pegawai Latihan Industri, En Nawawi Bin Ismail dan dibantu oleh Penyelaras Latihan Industri Jabatan Akademik.




## Statistik

Sesi DIS 2017 – 208 Pelajar
Sesi JUN 2018 – 203 Pelajar



# UNIT PEPERIKSAAN




## CARTA ORGANISASI
## UNIT PEPERIKSAAN

# UNIT PEPERIKSAAN



Bengkel Penilaian dan Pemurnian Item Peperiksaan Akhir Sesi Disember 2017 yang diadakan pada 25 Februari 2018 sehingga
1 Mac 2018 di Bilik Seminar, CISEC, Politeknik Jeli Kelantan.



## AKTIVITI UNIT PEPERIKSAAN



Bengkel Penilaian dan Pemurnian Item Peperiksaan Akhir Sesi Jun 2018 yang diadakan pada 26 - 30 Ogos 2018 di Bilik Seminar, CISEC, Politeknik Jeli Kelantan.

# UNIT PEPERIKSAAN

## AKTIVITI UNIT PEPERIKSAAN

**Kempen Sifar Meniru & Jom Akses KSPJK dianjurkan oleh Unit Peperiksaan bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada 30 September 2018.**








Pelajar melawat booth untuk dapatkan maklumat



**Impak:** Tiada Kes Meniru Di Rekodkan Pada Sesi Jun 2018

# UNIT PEPERIKSAAN

## STATISTIK GRADUAN POLITEKNIK JELI KELANTAN




## STATISTIK ANUGERAH KETUA JABATAN



# UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI

## PENGENALAN

Unit Pengurusan Psikologi merupakan antara unit terpenting dalam pengurusan pelajar Politeknik Jeli Kelantan. Unit ini menawarkan khidmat mesra dan professional bagi membantu pelajar meningkatkan pembangunan diri dari pelbagai aspek seperti penyesuaian diri di kampus, pengurusan akademik dan pengurusan psikologi yang kompleks. Pegawai psikologi yang dilantik merupakan kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Unit Pengurusan Psikologi adalah seperti berikut :







i. Kaunseling Individu
ii. Kaunseling kelompok
iii. Bimbingan
iv. Intervensi krisis
v. Kenali Potensi Diri
vi. Pembimbing rakan siswa
vii. AKRAB
viii. AKRAB Siswa

## "CHASE YOUR DREAM" - PROGRAM HPNM 2.0

Program ini dianjurkan oleh Unit Pengurusan Psikologi & Kerjaya Bersama Kelab Pembimbing Rakan Siswa (Biro Pendidikan dan Kerjaya). Program dilaksanakan pada 23 September 2018, di Corporate Industrial Services And Employability Centre (CISEC), Politeknik Jeli Kelantan. Jumlah peserta yang telah menyertai program ini adalah seramai 36 orang dan peserta sasaran adalah pelajar yang mendapat HPNM di bawah 2.0 untuk keputusan pada Sesi Disember 2017.

Terdapat beberapa perkongsian elemen semasa program dijalankan bagi mencapai objektif program ini. Antara pengisian program ini ialah inspirasi dalam diri sendiri, impian dalam hidup, cara untuk mencapai impian dan pendorong yang boleh dijadikan contoh teladan yang terbaik. Kelebihan program ini adalah:

i. Program ini dapat memberi motivasi kepada para pelajar untuk meningkatkan usaha bagi mendapatkan hpnm yang lebih baik pada semester akan datang.
ii. Pelajar dapat bertukar pendapat dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang hadapi.
iii. Pelajar dapat pengalaman baru bersama penceramah yang berpengalaman.



Jawatankuasa penganjur, peserta dan penceramah program



Pasangan Pengacara Majlis



Majlis penyampaian cenderamata kepada penceramah



Penceramah bersama peserta Program "Chase Your Dream"

## Program Kesedaran Lesbian, Gay, Bisexsual dan Transgender (LGBT)

Program ini dianjurkan oleh Unit Pengurusan Psikologi Bersama Kelab Pembimbing Rakan Siswa (Biro Kerohanian), Politeknik Jeli Kelantan. Program telah dijalanlan pada 1 Oktober 2018, di Dewan Lanas Perdana, Politeknik Jeli Kelantan. Peserta yang menghadiri program ini terdiri daripada pelajar Semester 1 (Sesi Jun 2018) seramai 186 orang.

Pengisian program ini adalah seperti berikut :

i. Mendidik pelajar supaya lebih mendalami ilmu agama.

ii. Membina keyakinan diri untuk menuju ke arah pembentukan personaliti dan sahsiah unggul melalui penerapan nilai-nilai murni dan sahsiah diri pelajar.

iii. Meningkatkan kesedaran pelajar tentang LGBT yang dianggap sebagai satu perkara yang remeh-temeh tatkala berada pada dunia masa kini.

Penceramah program





Penyampaian cenderahati kepada penceramah





Sesi bergambar dan ramah mesra bersama penceramah





## Kenangan Dicipta Kenangan Bersama

Program ini dianjurkan oleh Unit Pengurusan Psikologi & Kerjaya Bersama Kelab Pembimbing Rakan Siswa (Biro Pendidikan dan Kerjaya) pada 2 September 2018 di FZ Café, Kota Bharu, Kelantan. Jumlah peserta yang terlibat dengan program ini adalah seramai 60 orang peserta.

Berikut adalah tujuan program ini dijalankan:

i. Mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan ahli Pembimbing Rakan Siswa.

ii. Memberi penghargaan di atas sumbangan dan kerjasama ahli Pembimbing Rakan Siswa menjayakan program-program yang telah dilaksanakan.

iii. Melatih pelajar kemahiran asas untuk berinteraksi secara berkesan dengan rakan individu lain. Mengaplikasikan ilmu teori untuk menguruskan majlis dengan lebih efektif melalui latihan kemahiran yang dijalankan di lapangan.

Program ini dapat memberikan pengalaman dan sekaligus mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar yang hadir. Selain itu, pelajar juga dapat mempelajari cara berinteraksi dengan betul dan juga mengaplikasikan ilmu teori menguruskan majlis dengan lebih efektif.









# UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI



*Aktiviti sepanjang program dijalankan*

Politeknik Jeli Kelantan (PJK) telah menyertai 3 Pertandingan Inovasi di peringkat kebangsaan. Sejumlah 16 penganugerahan yang peroleh sepanjang tahun 2018.

| Nama Program | Tempat | Tarikh | Emas | Perak | Gangsa | Anugerah Khas/Terbaik |
|---|---|---|---|---|---|---|
| National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompEx'18) | POLIMAS, Jitra, Kedah | 20-22 Mac 2018 | 4 | | | |
| National Invention & Innovation, Conference, Exhibition and Robot Competition 2018 (NICERS'18) | PTSB, Kulim, Kedah. | 09-11 Julai 2018 | 2 | | | 1 |
| Festival Agro Makanan & Bioteknologi (FAMB) | POLISAS, Kuantan, Pahang | 10-11 Oktober 2018 | 1 | 3 | 4 | 1 |
| Jumlah Penganugerahan | | | 7 | 3 | 4 | 2 |

Politeknik Jeli Kelantan (PJK) telah menyertai 4 Pembentangan Penyelidikan di peringkat Antarabangsa dan Kebangsaan. Sejumlah 14 pembentangan sepanjang tahun 2018

| Nama Program | Tempat | Tarikh | Peringkat | Bil. Pembentangan |
|---|---|---|---|---|
| Karnival Antarabangsa Bio-Kelantan 2018 (Bio-K) | Kelantan Trade Centre (KTC), Kota Bharu, Kelantan | 07 April 2018 | Antarabangsa | 4 |
| 4th National Conference on Research and Innovation 2018 (NACRI 2018) | Pauh Inn, PTSS Arau, Perlis | 15 Mei 2018 | Kebangsaan | 1 |
| National Conference on Co-curriculum and Entrepreneurship Development (NaCCED'18) | Politeknik Kota Bharu(PKB) Kelantan | 02 September 2018 | Kebangsaan | 1 |
| Festival Agro Makanan & Bioteknologi (FAMB) | POLISAS, Kuantan, Pahang | 10-11 Oktober 018 | Kebangsaan | 8 |
| Jumlah Pembentangan | | | | 14 |

# UNIT PENYELIDIKAN INOVASI & KOMERSIALAN

## FAMB 2018




Politeknik Jeli Kelantan meraih Poster Inovasi Terbaik dan Kertas Penyelidikan Terbaik dalam Festival Agro Makanan & Bioteknologi (FAMB) yang berlangsung pada 10-11 Oktober 2018 di Politeknik Sultan Ahmad Shah(POLISAS).






## iCompex'18



Politeknik Jeli Kelantan mendapat empat pingat emas dalam National Innovation and Invention Competition through Exhibition 2018(iCompEx'18) anjuran Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) pada 20-22 Mac 2018.





## NICERS'18




Politeknik Jeli Kelantan mendapat dua pingat emas untuk projek inovasi Kuah Laksa Segera dan Kiub Pati Udang dalam National Invention & Innovation, Conference, Exhibition and Robot Competition 2018 (NICERS'18), anjuran Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah pada 09-11 Julai 2018. . Projek Kuah Laksa Segera juga mendapat Anugerah "Best Commercial Products".





## AKTIVITI GALAKAN MEMBACA 2018
## POLITEKNIK JELI, KELANTAN

**OBJEKTIF:**

i. Mengesan, mengumpul, menyimpan, mengurus, menyedia dan menyebarkan sumber yang bersesuaian, berkualiti dan terkini untuk semua program yang ditawarkan di Politeknik.

ii. Memberikan perkhidmatan perpustakaan yang cemerlang bersesuaian dengan perkembangan teknologi maklumat.

iii. Mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memupuk minat cintakan perpustakaan dan membudayakan ilmu.

iv. Membantu melahirkan tenaga separa profesional yang kreatif dan berdaya saing serta mempunyai sahsiah diri yang tinggi.

## Program Jom singgoh @Library PJK

Program dijalankan pada 25/9/2018 sehingga 09/10/2018 yang melibatkan bilangan peserta seramai 200 orang staf dan pelajar Politeknik Jeli Kelantan.



# UNIT PERPUSTAKAAN





## Program Reading Break: Let's Read Together for 10 minutes bersama pelajar Sekolah Rendah Jeli 2

Program dijalankan pada 25/04/2018 di ruang legar Unit Perpustakaan, Politeknik Jeli Kelantan yang melibatkan seramai 42 orang peserta.





# UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN

## LATAR BELAKANG UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN (ULPL)

### Pengenalan

Unit ini dianggotai oleh seorang pegawai latihan dan dibantu oleh penyelaras jabatan. Penyelarasan semua aktiviti adalah dibantu oleh enam pegawai dari Jabatan Akademik dan seorang dari unit pentadbiran.

**ULPL** dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang diarahkan oleh Bahagian Latihan Kerjaya sepanjang tahun. Mulai tahun 2007 program CPCM, PPK dan EEP telah dijalankan bagi peningkatan kompetensi staf.

### Objektif unit

Merancang, menguruskan dan menjalankan program-program latihan staf secara dalaman dan luaran.

Membantu menyelaras, merancang, dan melaksanakan program-program anjuran Bahagian Latihan & Kerjaya (BLK) dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

Menyelaras Program TSP (Time Sector Privatisation) bagi sektor awam ataupun swasta

Menyelaras Program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP)

Bertanggungjawab untuk merancang, menganjur serta melaksanakan pelbagai program pembangunan latihan staf untuk mengenalpasti serta meningkatkan kompetesi staf.

# PERATUSAN STAF YANG MENGIKUTI PROGRAM LATIHAN 2018 MENGIKUT JABATAN/ UNIT

| | | BILANGAN HARI BERKURSUS | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | JABATAN/ UNIT | **10** | **9** | **8** | **7** | **6** | **5** | **4** | **3** | **2** |
| 1 | HAL EHWAL PELAJAR | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | JABATAN AGRO TEKNOLOGI DAN BIOINDUSTRI | 27 | 0 | 3 | 3 | 2 | 3 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | JABATAN KO KURIKULUM | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 4 | JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER | 4 | 1 | 0 | 1 | 2 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| 5 | JABATAN PENGAJIAN AM | 3 | 0 | 1 | 2 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | UNIT PENTADBIRAN POLITEKNIK | 2 | 2 | 2 | 3 | 7 | 2 | 4 | 0 | 0 |
| 7 | UNIT ICT | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | UNIT MULTIMEDIA DAN SUMBER | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| 10 | UNIT PERPUSTAKAAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 11 | UNIT PEPERIKSAAN | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 12 | UNIT PSIKOLOGI DAN KERJAYA | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 13 | UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 14 | UNIT PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN | 0 | 0 | 1 | 1 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | | **39** | **3** | **9** | **12** | **19** | **10** | **6** | **0** | **0** |
| | | 39.796 | 3.06 | 9.18 | 12.24 | 19.39 | 10.2 | 6.12 | 0 | 0 |



## PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

Program Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) membolehkan warga Malaysia mendapat ilmu dan kemahiran bersesuaian dengan model ekonomi berpendapatan tinggi. PSH mampu mengembeleng potensi individu yang belum berada dalam pasaran kerja untuk meningkatkan kemahiran. PSH juga boleh memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih bermakna. Menerusi PSH, pendidikan tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat.

Justeru itu, PSH merupakan satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan. Daya saing global dan kepelbagaian keperluan telah mendesak individu supaya sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran mereka. Hal ini juga dituntut oleh majikan dan industri bagi meningkatkan produktiviti. Pada masa yang sama, sejajar dengan pembangunan sosio ekonomi negara, individu semakin sedar dan menghayati keperluan untuk pengayaan ilmu dan kemahiran demi kemajuan dan kepuasan diri.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan PJK telah merancang dan menyediakan pelbagai program dan latihan kepada masyarakat setempat dengan pelbagai aktiviti pembelajaran yang boleh diikuti oleh semua peringkat umur tanpa mengira jantina, kaum dan anutan agama. Program/Kursus-kursus yang ditawarkan juga bersesuaian dengan kehendak semasa selaras dengan aspek pembangunan modal insan untuk mewujudkan masyarakat yang berdaya saing selain dari meningkatkan taraf ekonomi masyarakat setempat. Tenaga pengajar yang mahir dalam bidang masing-masing diketengahkan dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak yang terlibat agar dapat memberi ilmu serta khidmat terbaik kepada seluruh masyarakat. Berikut adalah kursus di bawah Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 :

i. Bengkel ePerolehan bersama organisasi luar,
ii. Seminar MUET 2018
iii. Kursus CSR Penternakan Kelulut bersama komuniti Jeli
iv. Program TSP – Bengkel Asas Microsoft Excel Guru Tabika Perpaduan Daerah Jeli
v. Kursus Penanaman Jagung Secara Komersil
vi. Kursus Asas Pembuatan Mee berasaskan sayuran
vii. Kursus Penanaman Jagung Secara Komersil

# SENARAI PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) TAHUN 2018

| Bil | Nama Kursus/ program/modular | Kluster | Tarikh kursus akan / telah diadakan | Alamat Kursus diadakan | Lokasi/Negeri Kursus | No telefon | Jabatan | Bil. peserta |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Pakej Bengkel ePerolehan bersama organisasi luar | 3 | 30-Jan-18 | Politeknik Jeli kelantan, Jalan Raya Timur Barat, 17600, Jeli Kelantan | Kelantan | 099443600 | Politeknik Jeli Kelantan | 70 |
| 2 | Seminar MUET 2018 | 3 | 24-Feb-18 | Politeknik Jeli kelantan, Jalan Raya Timur Barat, 17600, Jeli Kelantan | Kelantan | 099443600 | Politeknik Jeli Kelantan | 22 |
| 3 | Kursus CSR Penternakan Kelulut bersama komuniti Jeli | 3 | 6 Mac 2018 | Politeknik Jeli kelantan, Jalan Raya Timur Barat, 17600, Jeli Kelantan | Kelantan | 099443600 | Politeknik Jeli Kelantan | 24 |
| 4 | PROGRAM TSP - BENGKEL ASAS MICROSOFT EXCEL GURU-GURU TABIKA PERPADUAN DAERAH JELI | 1 | 28 JULAI 2018 | Politeknik Jeli kelantan, Jalan Raya Timur Barat, 17600, Jeli Kelantan | Kelantan | 099443600 | Politeknik Jeli Kelantan | 45 |
| 4 | Kursus Penanaman jagung secara komersial | 3 | 4 ogos 2018 | Politeknik Jeli kelantan, Jalan Raya Timur Barat, 17600, Jeli Kelantan | Kelantan | 099443600 | Politeknik Jeli Kelantan | 1 |
| 6 | Kursus Asas Pembuatan Mee berasaskan sayuran | 3 | 11 ogos 2018 | Politeknik Jeli kelantan, Jalan Raya Timur Barat, 17600, Jeli Kelantan | Kelantan | 099443600 | Politeknik Jeli Kelantan | 5 |
| 7 | Kursus Penanaman jagung secara komersial | 3 | 8-Sep-18 | Politeknik Jeli kelantan, Jalan Raya Timur Barat, 17600, Jeli Kelantan | Kelantan | 099443601 | Politeknik Jeli Kelantan | 1 |

# AKTIVITI PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)





Kursus pembuatan mee berasaskan sayuran





Kursus Penternakan kelulut

Kursus Penanaman jagung secara komersil



# CENTRE OF TECHNOLOGY (COT)







Expo Tani & Ekspo Hijau Negeri Kelantan 2018 pada 21-25 Oktober 2018

Bertempat di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV, Kota Bharu, Kelantan

Platform terbaik untuk mempamerkan teknologi dan produk inovasi keluaran Politeknik Jeli. Sekaligus, dapat memperkenalkan Politeknik Jeli kepada masyarakat luar dan membantu mempromosikan kemasukan pelajar ke Politeknik Jeli.

# CENTRE OF TECHNOLOGY (COT)




Festival Agro Makanan dan Bioteknologi (FAMB) 2018 anjuran Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang pada 10-11 Oktober 2018



Festival ini melibatkan seminar dan pameran yang berkaitan dengan teknologi makanan dan pertanian. Politeknik Jeli Kelantan memenangi 1 Emas dan 1 Kertas Penyelidikan Terbaik

# CENTRE OF TECHNOLOGY (COT)




**NATIONAL INVENTION & INNOVATION, CONFERENCE, EXHIBITION AND ROBO-sumo COMPETITION 2018 (NICERS'18)**



**Anjuran Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Kedah pada 9 – 11 Julai 2018**




**Pencapaian: 2 Emas, 1 Best Commercial Product**

**Penerangan:**

1. Pendedahan terhadap penghasilan produk yang berteknologi kreatif dan inovatif.
2. Pendedahan kepada perubahan teknologi terkini mampu meningkat minat terhadap inovasi dan penyelidikan. Kesannya mampu meningkat kemahiran.
3. Meningkatkan kerjasama di kalangan warga politeknik di dalam menganjurkan suatu program yang besar.

# COLLABORATION, INDUSTRIAL SERVICES & EMPLOYABILITY CENTRE (CISEC)




## CARTA ORGANISASI
## COLLABORATION, INDUSTRIAL SERVICES & EMPLOYABILITY CENTRE (CISEC)

# COLLABORATION, INDUSTRIAL SERVICES & EMPLOYABILITY CENTRE (CISEC)

1. Memastikan politeknik mencapai KSI 1 & KSI 4 seperti yang dirancang bagi tahun 2016-2020 iaitu:
   - KSI 1: 85% kadar graduan boleh diambil bekerja; dan
   - KSI 4: 100% semua program pengajian dilaksanakan dengan kolaborasi industri.

2. Memudahcara jaringan dan kolaborasi di antara Politeknik dengan Industri.

3. Menyediakan perkhidmatan dan maklumbalas terhadap keperluan industri terutama yang melibatkan kolaborasi dan penempatan kerja graduan.

4. Meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan politeknik.

5. Meningkatkan kadar bekerja graduan politeknik.

6. Menyediakan khidmat nasihat kerjaya, perancangan dan persediaan graduan ke alam pekerjaan.

7. Melaksanakan program-program yang dirancang oleh JPP dan Politeknik bagi meningkatkan GE seperti Program CEO Fakulti, IAC dan sebagainya.

8. Memudahcara program pembelajaran bagi Kursus Secara Sambilan, Program PSH/PISH dan *Signature Program.*

## Fungsi dan Peranan CISEC

# JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI



# DIPLOMA AGROTEKNOLOGI

**KELANTAN BIOTECH CORPORATION SDN BHD**
- Wan Subki Bin Wan Omar (Pengurus Besar)

**MCG FERTIGATION & TRAINING**
- Wan Azwa Bin Wan Ismail (Pengurus)

**PAPAN AGRO VALLEY SDN BHD**
- Dato' Abd Raof Bin Abdullah (CFO)

**KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD**
- Mohd Mukhlis Bin Hj Mukhtar (Pengarah Kanan Operasi)

**BUNGA TANJUNG SDN BHD**
- Mohd Khairul Anuar Bin Abdul Raman (Pengurus)

**GM PELADANG**
- Mohamad Zamir Bin Ghazali (Pengarah Urusan)

**EZFC PLT**
- Mohammad 'Atif Bin Abdullah Fahmi (Pengurus)

**AGROFUTURE SDN. BHD**
- En. Kairul Azhar Bin Wahyudi (Pengarah Urusan)

**DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN. BHD. (DAMAI)**
- Hasnan Bin Hasan (Pengurus Besar)

# JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI



# DIPLOMA AKUAKULTUR

**AIN AQUACULTURE SDN BHD**

- Encik Helmee bin Hashim (General Manager)

**AKUATROP SDN. BHD**

- Prof. Emeritus Dr. Mohd Azmi bin Ambak (Pengarah Urusan)

**GREENY AQUACULTURE SDN BHD**

- Mohamad Azzim Bin Mohamad Jamil (Eksekutif)

**TERNAK UNGGUL SDN. BHD.**

- Pn. Salawati binti mamat (Pengurus)

**PY MAJU TRADING**

- En. Zakaria bin  Harun (Pengurus)

# JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI



## MESYUARAT JAWATANKUASA PANEL PENASIHAT INDUSTRI PADA 13 MAC 2018











# JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI



## Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik



Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik telah dilaksanakan pada 13 Mac 2019, di Politeknik Jeli, Kelantan yang melibatkan 7 industri iaitu:

1. Kelantan Biotech Sdn. Bhd.
2. MCG Fertigtion and Training
3. HighPlus Engineering Sdn. Bhd.
4. Ain Aquaculture Sdn. Bhd.
5. Agrofuture Sdn. Bhd
6. PY Maju Trading
7. EZFC PLT













# JARINGAN INDUSTRI, INSTITUSI DAN KOMUNITI



- KELANTAN BIOTECH CORPORATION SDN. BHD.
- KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD
- PAPAN AGRO VALLEY SDN. BHD.
- AGROFUTURE SDN. BHD.
- DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUST. SDN. BHD.
- GM PELADANG
- EZFC PLT
- BUNGA TANJUNG SDN. BHD.
- AIN AQUACULTURE SDN. BHD.
- GREENY AQUACULTURE SDN. BHD.
- AKUATROP SDN. BHD.
- TERNAK UNGGUL SDN. BHD.
- PY MAJU TRADING
- ASIA AQUACULTURE (M) SDN. BHD.
- HIGHPLUS ENGINEERING SDN. BHD.
- MCG FERTIGATION AND TRAINING
- PENANG SCIENCE CLUSTER
- LADANG TAPIS SDN. BHD.
- GI MACRO ENTERPRISE
- DKETAPANG MAJU ENTERPRISE
- IRIS CORP SDN. BHD.
- NANYANG AQUARIUM SDN. BHD.
- BMO ENTERPRISE
- JAMIRAH FOOD IND. (M) SDN. BHD.
- YAKULT (M) SDN. BHD.
- SUPERSHAD & SONS TRAD. SDN. BHD.
- SYARIKAT SRI LESTARI CENTRE
- URBAN GREEN CABIN SDN. BH.D
- FATISHA AGRO FARM (M) SDN. BHD.
- BUMI HIJAU NIAGA
- URBAN GREEN CABIN SDN. BHD.

## INDUSTRI

# JARINGAN INDUSTRI, INSTITUSI DAN KOMUNITI



- STN PENYELIDIKAN MINI LEMBAGA GETAH MALAYSIA
- FELCRA URUS ESTET SEBERANG PERAK
- RISDA SEMAIAN NEGERI KELANTAN
- UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
- LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU
- PENGARAH FAMA KELANTAN
- JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN
- FAKULTI BIOTEKNOLOGI & SAINS BIOMOLEKUL UPM
- MOPB BANGI
- INSTITUT PERIKANAN CHENDERING
- PEJABAT PERIKANAN NEGERI KELANTAN
- TAMAN BOTANI NEGARA
- UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

## AGENSI KERAJAAN

# JAWATANKUASA KOLABORASI ANTARABANGSA



## PROGRAM ‘*ORGANIC MIXED FARMING WORKSHOP*’

Organisasi *The Young Smart Farmer* (YSF), kementerian Pertanian Thailand dengan kerjasama syarikat Thai advance Agric Tech Co., LTD. telah mengadakan satu seminar mengenai ladang pertanian campur secara organik (*Organic Mixed Farming*) yang telah diadakan 9 -11 Ogos 2018 di daerah Patthalung, Thailand.







# JAWATANKUASA KOLABORASI ANTARABANGSA



## *MODERN FARMING TECHNOLOGY WORKSHOP*







**Politeknik Jeli Kelantan telah menyertai Bengkel Teknologi Pertanian Moden yang dianjurkan oleh Syarikat Thai Advance Agric Tech Co., LTD. pada 24 – 25 November 2018 di wilayah Songkhla, Thailand. Pelajar dan pensyarah berpeluang mempelajari teknologi dan inovasi baru yang dipraktikkan dalam bidang pertanian.**







# JAWATANKUASA KEBOLEHPASARAN/1L5G



## LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN TVET 2018

### STATUS PERKERJAAN GRADUAN POLITEKNIK JELI MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN, 2018



# JAWATANKUASA KEBOLEHPASARAN/1L5G



## LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN TVET 2018

### KADAR PENDAPATAN BULANAN GRADUAN POLITEKNIK JELI YANG BEKERJA, 2018



# JAWATANKUASA KEBOLEHPASARAN/1L5G



## LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN TVET 2018

### KADAR GRADUAN POLITEKNIK JELI YANG BERKERJA DALAM BIDANG / LUAR BIDANG, 2018



# JAWATANKUASA KEBOLEHPASARAN/1L5G

## LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN TVET 2018

### TARAF PEKERJAAN GRADUAN POLITEKNIK JELI, 2018



# JAWATANKUASA KEBOLEHPASARAN/1L5G



## KARNIVAL KERJAYA PJK 2018

Program Karnival Kerjaya PJK 2018 diadakan pada 25 September 2018 yang bertujuan untuk menjadi pemangkin kepada peningkatan kebolehpasaran graduan politeknik. Program ini merupakan program tahunan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui aktiviti seperti bicara industri, seminar, pameran, pembinaan resume dan temuduga penempatan latihan industri berdasarkan pada peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh industri yang mengambil bahagian. Peserta program terdiri daripada pelajar semester 4, 5 dan semester akhir agar mereka berpeluang memahami dan mendapat kemahiran yang diperlukan dalam bidang pekerjaan. Bilangan industri yang terlibat dalam program ini adalah sebanyak 2 syarikat swasta dan 3 agensi kerajaan yang memberi manafaat kepada 377 orang pelajar.







# JAWATANKUASA KEBOLEHPASARAN/1L5G



## KARNIVAL KERJAYA PJK 2018





Wan Azlan (tiga, kiri) diiringi Abdul Malek (kiri) berkongsi pengalaman dengan sebahagian peserta yang hadir ke Karnival Kerjaya PJK 2018, semalam.

### PJK sedia laluan bantu graduan

JELI - Sedar cabaran mendapatkan pekerjaan yang terpaksa dilalui graduan, Politeknik Jeli Kelantan (PJK) mengambil inisiatif mengadakan Karnival Kerjaya PJK 2018 bagi membantu lepasan institusi itu.

Pengarahnya, Wan Azlan Wan Ismail berkata, karnival itu ibarat platform untuk mereka kerana ia menyediakan ruang perkongsian informasi sama ada dari institusi pengajian mahupun industri.

Menurutnya, proses temuduga bersama pihak industri terpilih turut diadakan pada sebelah petang.

"Memang diakui cabaran mendapatkan pekerjaan agak hebat, lulusan terlalu ramai, peluang pula terhad.

"Untuk dapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan dan bidang pengajian anda, kita juga akan bentuk jalinan kerjasama erat dengan industri dan universiti agar peluang untuk graduan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi lebih luas," katanya ketika berucap merasmikan karnival berkenaan di sini, semalam.

Wan Azlan berkata, sebelum ini institusi pengajian berkenaan sudah menjalin hubungan dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta dalam proses merisik Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza).

Sementara itu, pengarah program, Abdul Malek A Manap berkata, sekurang-kurang lebih 400 pelajar akan mendapat manfaat daripada program itu yang diadakan bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.

"Ini kerana ia terbuka kepada pelajar dari semester tiga, empat dan lima, selain yang sedang ikuti latihan industri serta alumni," katanya.

Beliau berharap pelajar mendapat manfaat di sebalik karnival itu, sekali gus merencana perjalanan masa depan lebih baik selepas ini.

# JAWATANKUASA KOLABORASI DOSMETIK



## MESYUARAT KESETARAAN PROGRAM AGROTEKNOLOGI POLITEKNIK DENGAN PROGRAM SARJANA MUDA BIOTEKNOLOGI PERTANIAN UNISZA PADA 14 OGOS 2018







# TAMAT